

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Ramai berfikiran butiran peribadi tidak dirahsiakan

Putrajaya: Kebimbangan berkaitan butiran peribadi tidak dirahsiakan diperca-yai antara punca jumlah pendaftaran sistem Pang-kalan Data Utama (Padu) masih rendah, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sendiri merekodkan hanya 33.4 pe-ratus daripada 24,471 war-ga kementerian itu dan agensi di bawahnya sudah berdaftar dalam sistem berkenaan.

"Ya, memang setakat ini 33.4 peratus daripada pe-gawai dan kakitangan KK-DW yang sudah mendaftar Padu.

PADU KURANG SAMBUTAN

Ramai berfikiran butiran peribadi tidak dirahsiakan

"Tetapi kami sedang me-nugusahkan beberapa lang-kah pada pertengahan bulan ini kita akan lakukan be-berapa tindakan untuk me-mastikan 100 peratus (war-ga KKDw) akan mendaftar dengan Padu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Per-himpunan Bulanan KKDw di sini, semalam.

Kelmarin, Ketua Perang-kawan Datuk Seri Dr Mohd

Uzir Mahidin berkata, 2.69 juta rakyat negara ini su-dah membuat kemas kini maklumat dalam sistem Padu setakat ini.

Beliau berkata, sistem Padu mempunyai 30 juta nama penduduk dan perlu membuat pengesahan dan kemas kini maklumat ma-sing-masing sehingga 31 Mac ini.

Ditanya lanjut mengapa jumlah peratusan pendaf-

taran Padu di KKDw masih rendah, Ahmad Zahid ber-kata, pihaknya mempunyai jalan tertentu untuk me-nyelesaikan isu berkenaan demi faedah bersama.

"Mungkin kesedaran be-lum sampai lagi. Ada juga merasakan bahawa butir peribadi itu tidak dirah-siakan tetapi kita mempu-nyi jalan tertentu supaya semua dapat diselesaikan kerana itu semua faedah kita bersama," katanya.

Terdahulu, dalam uca-pannya, Ahmad Zahid ma-hu seluruh warga KKDw memberikan kerjasama dan menterjemahkan ke-bersamaan dalam setiap inisiatif kerajaan dengan menyegerakan pengemas-kinian sistem Padu.